



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 6/ 2024 (Bulan Jun 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Keutamaan Zulhijjah	7 Jun 2024M/ 29 Zulkaedah 1445H
2.	Namanya Selepas Namaku	14 Jun 2024M/ 7 Zulhijjah 1445H
3.	Bijak Merancang Lunaskan Hutang	21 Jun 2024M/ 14 Zulhijjah 1445H
4.	Fardhu Yang Disisihkan	28 Jun 2024M/ 21 Zulhijjah 1445H
6.	Khutbah Kedua	

Dibiayai:



زكاة فولاد فينيغ

Diterbitkan:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولادو فينيغ



*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang*

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Bijak Merancang Lunaskan Hutang

Edisi Khas PTPTN

21 Jun 2024M/ 14 Zulhijjah 1445H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَكُتِبَ لَهُ
وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ... (سورة البقرة: 282)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta pada jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan sebenar-benar takwa. Selain itu, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripadanya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.



Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Sesuai dengan realiti dalam masyarakat kita pada masa kini, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Bijak Merancang, Lunaskan Hutang.”**

HADIRIN SEKALIAN,

Islam sebagai sebuah agama yang syumul, mengharuskan muamalah dalam kehidupan manusia. Perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek jual beli, sewaan, pajakan dan lain-lain urusan harian termasuklah hutang piutang adalah diharuskan selagimana ia tidak menzalimi atau menganiyai sesama kita.

Berdasarkan catatan sirah, seperti disebutkan dalam sebuah hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim, Saidatina A'isyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا pernah meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ terpaksa berhutang dengan seorang yahudi untuk membeli makanan dan dicagarkan baju besi Baginda sebagai jaminan hutang itu. Jabir رَضِيَ اللهُ عَنْهُ meriwayatkan selepas Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ wafat dan ketika hendak ditebus oleh Saidina Abu Bakar, yahudi terbabit mengatakan: “Jaminannya melebihi nilai hutangnya. Engkau tidak perlu menebusnya.” Hadis ini jelas menunjukkan sikap Baginda Nabi yang tidak pernah menganggap mudah terhadap hutang.



Melalui kisah ini, baju besi yang dicagarkan mempunyai nilai lebih tinggi daripada nilai hutang. Ini menunjukkan kepada kita dua perkara. Pertama, Rasulullah ﷺ bersungguh-sungguh dalam usaha bagi melangsaikan hutang. Keduanya, Rasulullah tidak bermudah-mudah untuk berhutang tanpa meletakkan satu komitmen yang tinggi bagi menyelesaikan hutang tersebut.

Di Malaysia, antara agensi Kerajaan yang bertindak menyalurkan pinjaman bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau lebih dikenali sebagai PTPTN yang menjadi pemudah cara bagi menyalurkan pembiayaan pendidikan kepada para pelajar. Kemudahan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk memastikan tiada pelajar di negara ini yang tidak dapat memasuki institusi pengajian tinggi sama ada awam ataupun swasta akibat kekangan kewangan keluarga dan isi rumah.

SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,

Dalam proses melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, pastinya terdapat individu yang tidak berkemampuan untuk membayar kos pengajian dan juga kos-kos lain yang terlibat dalam urusan sewaktu tempoh melanjutkan pengajian tersebut. Oleh itu, pengorbanan untuk melanjutkan pengajian merupakan suatu pelaburan yang menguntungkan di kemudian hari.

“Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian.” Begitulah ungkapan pepatah Melayu yang menggambarkan perlunya seseorang manusia untuk berusaha dan bermujahadah bagi mendapatkan taraf kehidupan yang lebih baik dari sebelumnya.



Melalui pendidikan, seseorang dapat mengubah taraf sosio ekonomi keluarga kepada yang lebih baik setelah memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan akademik mereka selepas menamatkan pengajian.

HADIRIN SEKALIAN,

Setelah selesai menamatkan pengajian, hendaklah mereka yang telah mendapatkan pinjaman berusaha sebaik mungkin untuk menjelaskan kembali pinjaman pendidikan yang telah digunakan seperti yang tertera pada akad pembiayaan sewaktu melakukan permohonan bagi mendapatkan pinjaman tersebut.

Sifat tolong menolong dan bantu membantu amatlah mulia terutamanya ketika memberikan hutang. Sekiranya orang yang berhutang ini mempunyai kesukaran untuk membayar dalam tempoh masa yang ditetapkan, eloklah kiranya diberikan tempoh tambahan yang sewajarnya bagi menyelesaikan hutang tersebut. Perkara ini disebutkan oleh Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 280;

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

Maksudnya: *“Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).”*



Imam al-Maraghi menafsirkan bahawa sekiranya penghutang sedang mengalami kesulitan, hendaklah pemiutang menunggu atau memberi tempoh sampai ada kelapangan sehingga memungkinkan dia melunaskan hutang.

Sebaiknya, apabila seseorang itu berkemampuan untuk membayar sesuatu hutang, maka bayarlah mengikut tempoh waktu yang telah ditetapkan. Terdapat juga individu yang memang suka mengambil kesempatan dengan kebaikan orang lain dan sudah berniat dari awal lagi untuk tidak mahu membayar hutang yang dilakukan oleh dirinya sendiri.

Janganlah berlaku zalim kepada mereka yang telah membantu dalam mempermudah urusan kehidupan kita. Perkara ini disebutkan dalam sebuah hadis Riwayat Al-Bukhari:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk membayarnya semula, maka Allah ﷻ akan menunaikan untuknya. Barangsiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk menghabiskannya tanpa membayar balik, maka Allah akan membinasakan dirinya.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH ﷻ,

Marilah kita mengamalkan doa yang diajarkan oleh Baginda ﷺ dalam sebuah hadis riwayat Abu Daud bagi mempermudah urusan dalam menyelesaikan urusan hutang piutang:



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ

وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya Aku berlindung kepada Engkau daripada kedukaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Engkau daripada sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada Engkau daripada bebanan hutang dan penindasan manusia.”

SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,

Sebagai kesimpulan, marilah kita bersama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi:

Pertama: Hendaklah kita bertanggungjawab untuk melunaskan hutang yang dilakukan termasuklah hutang ketika melanjutkan pengajian.

Kedua: Mereka yang sengaja tidak membayar hutang yang dilakukannya akan dituntut dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** di akhirat kelak.

Ketiga: Ibu bapa hendaklah mengingatkan anak-anak untuk melunaskan hutang yang dilakukan sewaktu pengajian setelah mereka bekerja agar memperoleh keberkatan dalam kehidupan.

Keempat: Pembayaran hutang PTPTN yang dilakukan dapat memudahkan generasi seterusnya mendapat manfaat yang kita perolehi sebelum ini.

Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 77;



إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat, dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ





Khutbah Kedua Bulan Jun

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ أَلْيَةِ أَلْيِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعَظِيمًا لِسَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Masjid telah menjadi bahagian yang penting di dalam kehidupan seorang Muslim. Ia menjadi institusi yang turut menjadi pencetus kemajuan umat seperti yang terbukti di dalam sirah. Seluruh kehidupan umat Islam dilingkari dengan masjid sebagai pusat aktivitinya.



Selain kewajipan kita mengimarahkan masjid setiap kali laungan azan, masjid juga merupakan sebuah intitusi penting yang seharusnya menjadi pemersatu kariah. Masjid bukan hanya untuk menangani isu setempat tetapi juga dalam membina fikrah yang sejajar dengan tuntutan zaman.

Setiap hari kita berdepan dengan seribu satu cabaran baru, maka fikrah umat juga perlu dititipkan dengan pendedahan tentang perubahan semasa.

Seluruh umat Islam ini disatukan oleh aqidah yang sama tidak kira walau dimana kita berada. Firman Allah dalam Surah Ali Imraan, ayat 103:

Maksudnya: *“Berpegang teguhlah kamu seluruhnya dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah.”*

Al-Imam al-Qurtubi Rahimahullah telah menjelaskan ayat ini dalam kitab tafsirnya, maksudnya:

“Janganlah kamu berpecah belah dengan mengikuti hawa nafsu dan kehendak-kehendak yang berbeza, dan jadilah bersaudara di dalam agama Allah. Maka yang demikian itu akan menghalang kamu dari berpecah belah dan saling bermusuhan.”

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, masyarakat dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta,



memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥١﴾

